

RENCANA

Dekatkan Asia Tenggara dengan Dunia Islam

Mustafa Izzuddin dilantik pakar antarabangsa dalam dialog tamadun di Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Dunia Islam (Icesco)

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

MEMBAWA Asia Tenggara lebih dekat dengan Dunia Islam dan sebaliknya – itulah antara matlamat penganalisis hubungan antarabangsa, Dr Mustafa Izzuddin, yang baru-baru ini dilantik sebagai pakar antarabangsa dalam dialog tamadun di Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Dunia Islam (Icesco).

Beliau merupakan warga Singapura pertama yang dilantik untuk memikul tanggungjawab itu dalam Icesco, yang bernaung di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), meskipun Singapura bukan negara anggota atau pemantau dalam OIC.

Dr Mustafa yang akan berpangkalan di Rabat, Maghribi – yang menempatkan ibu pejabat Icesco – berkata Asia Tenggara mempunyai tiga negara yang majoriti penduduknya Muslim iaitu Indonesia, Malaysia dan Brunei.

Rantau ini juga mempunyai ramai penduduk Muslim di Singapura, Thailand dan Filipina.

Sebagai rantau yang berbilang budaya, agama, etnik dan bahasa, Dr Mustafa berkata Asia Tenggara juga boleh memainkan peranan penting dalam Dunia Islam.

Ketika ekstremisme, penganasan dan ultranasionalisme kian meningkat, beliau juga berkata usaha mengutamakan diplomasi budaya dan dialog tamadun adalah penting untuk memelihara keamanan dan keharmonian.

“Perspektif Asia Tenggara antara lain dapat menyumbang kepada wacana antara ahli akademik dan pengamal di Dunia Islam.

“Dialog antara agama juga terus berkembang dan sedang ia berkembang, adalah baik kita mengadakan daya usaha seperti webinar dan program pertukaran budaya, khususnya melibatkan orang muda, supaya mereka juga dapat memainkan peranan penting untuk menggalak dialog antara agama.”

“Saya rasa pertukaran pengalaman dan idea serta amalan terbaik oleh penduduk dari pelbagai negara ini akan menyumbang untuk mempertingkatkan dialog antara agama,” ujar Dr Mustafa.

Tambahnya, dialog antara agama ini lebih-lebih lagi penting sekarang sebagai wadah inklusiviti, kepelbagaian, kesederhanaan dan kemajmukan.

Beliau berkata ini merupakan konsep penting untuk memerangi ekstremisme, penganasan dan ultranasionalisme yang boleh memecahbelahkan masyarakat.

Selain menerajui usaha membawa Icesco lebih dekat dengan Asia Tenggara dan sebaliknya menerusi program seperti webinar dan pertukaran budaya, Dr Mustafa turut menarik perhatian usaha menghubungkan universiti di Dunia Arab dengan universiti di Asia Tenggara.

Oleh itu, peranan yang dimainkannya di universiti di Asia Tenggara termasuk selaku pensyarah kanan adjung di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan profesor pelawat dalam bidang hubungan antarabangsa di Universitas Islam Indonesia akan memainkan peranan penting dalam mewujudkan kerjasama tersebut.

Sebagai warga Singapura pertama dilantik memegang jawatan itu di Icesco, Dr Mus-

SUMBANGAN ASIA TENGGARA

“Perspektif Asia Tenggara antara lain dapat menyumbang kepada wacana antara ahli akademik dan pengamal di Dunia Islam...”

Saya rasa pertukaran pengalaman dan idea serta amalan terbaik oleh penduduk dari pelbagai negara ini akan menyumbang untuk mempertingkatkan dialog antara agama.”

TENTANG PELANTIKAN

“Pelantikan ini menunjukkan bahawa warga Singapura juga dapat menyumbang dan meninggalkan kesan dengan memainkan peranan penting dalam pertubuhan antarabangsa.

Ini juga menunjukkan bahawa jenama dialog antara agama Singapura dengan Asia Tenggara serta pengalaman rantau ini dapat dikongsi dengan dunia.”

– Dr Mustafa Izzuddin.

tafa berharap beliau dapat menyumbang kepakaran dan pengalamannya dalam ehwal Asia Tenggara dan dialog antara agama.

“Pelantikan ini menunjukkan bahawa warga Singapura juga dapat menyumbang dan meninggalkan kesan dengan memainkan peranan penting dalam pertubuhan antarabangsa.

“Ini juga menunjukkan bahawa jenama dialog antara agama Singapura dengan Asia Tenggara serta pengalaman rantau ini dapat



BINA JAMBATAN: Penganalisis hubungan antarabangsa, Dr Mustafa Izzuddin, berharap dapat mendekatkan Asia Tenggara dengan dunia Islam dan sebaliknya dalam peranan barunya sebagai pakar antarabangsa dalam dialog peradaban di Icesco. Beliau warga Singapura pertama yang dilantik untuk memegang jawatan itu. – Foto ihsan Dr MUSTAFA IZZUDDIN

dikongsi dengan dunia,” ujarnya yang mempunyai pengalaman 15 tahun dalam bidang ehwal Asia Tenggara.

Namun lebih daripada itu, Dr Mustafa berharap dapat menyumbang semula kepada Singapura dengan pengalamannya di Icesco.

Beliau juga berharap pelantikannya dapat menjadi sumber inspirasi bagi lebih ramai warga Singapura, khususnya anak muda, agar lebih terlibat dan menyumbang den-

gan badan serantau seperti Asean dan badan antarabangsa seperti OIC dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Semasa berbakti di Icesco, beliau juga akan terus memimpin Pusat bagi Pengajian Asia Tenggara Nehginpao Kipgen di Sekolah Ehwal Antarabangsa Jindal di Universiti Global O.P. Jindal di India selaku pengarah eksekutif dan akan terus memainkan peranan sebagai penganalisis kanan ehwal antarabangsa di Solaris Strategies Singapore.